

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI PERTANDINGAN MEM-
BACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN,
DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR
PADA 24HB OKTOBER, 1972

Assalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Y.B. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-
tuan Yang Terutama, Dif-dif Yang Dihormati, Saudara-saudara
sekalian,

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana
dengan izin dan taufikNya, kita dapat meneruskan lagi pada tahun
ini amalan dan bakti kita kepadanya dengan mengadakan
Pertandingan Membaca Kitab suci Al-Quran Peringkat Ke-
bangsaan yang bermula pada malam ini. Dan akan diikuti pula
dengan Pertandingan pada Peringkat Antarabangsa selama tiga
malam berturut-turut.

Saya ingin mengulangi kata-kata Tuan Pengerusi tadi meng-
alu-alukan kehadiran dif-dif dari negara sahabat yang sudi
menyambut jemputan kita untuk menyerikan majlis ini.

Perkara yang sesungguhnya menarik hati di negara kita ini
ialah bahawa sambutan yang diberikan kepada pertandingan ini
menyeluruh datangnya dari semua kalangan, termasuk juga
kalangan orang-orang yang bukan Islam. Maka dengan sendirinya
Pertandingan ini telah menjadi suatu tradisi nasional kita di
Malaysia yang dapat diterima oleh semua golongan masyarakat
dan lambat laun menjadi manifestasi kebudayaan nasional kita.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti di masa-masa lalu, kita menetapkan malam bermulanya
Pertandingan Membaca Al-Quran pada malam ini untuk serentak
dengan malam Nuzul Al-Quran yang jatuhnya pada malam ini.
Dengan demikian, pertandingan ini merupakan pula sambutan kita
memuliakan malam Nuzul Al-Quran sehingga jadilah Per-
tandingan ini kesempatan bagi kita untuk menghormati Kitab

Al-Quran serta keluhuran ajaran-ajarannya, di samping mem-
pertingkatkan mutu bacaan Al-Quran di kalangan umat Islam
sebagai mematuhi firman Allah yang maksudnya "Bacalah
Al-Quran dengan bacaan dan tartil yang baik."

Saya sangat bersetuju dengan tema pertandingan pada tahun
ini, iaitu "Pembangunan". Tema ini sungguh sesuai sekali dengan
kehendak dan matlamat negara pada masa ini kerana kita sedang
hebat melaksanakan rancangan pembangunan raksaksa dalam
usaha menyusun semula masyarakat dan membawa kemakmuran
kepada rakyat.

Ugama Islam ialah ugama pembangunan, dan Al-Quran ialah
obor atau "torch" yang membawa panduan bagi pembangunan
material dan rohani, untuk kebahagiaan dan kesejahteraan
manusia di dunia dan akhirat. Al-Quran dengan tegas menyata-
kan bahawa Allah tidak mengubah nasib sesuatu umat selagi
umat itu sendiri tidak berusaha mengubah nasib mereka. Jadi
manusia hendaklah berusaha memperbaiki keadaan hidup mereka
sendiri jika mereka ingin kepada Kemakmuran dan kesem-
purnaan hidup dalam ertikata yang sebenar.

Kita mengerjakan puasa pada bulan Ramadan yang mulia ini
sebagai menunaikan ibadat kita kepada Tuhan. Dan kita wajib
pula berusaha mengubah nasib kita dan memperbaiki kehidupan kita
sebagai sebahagian dari amal saleh kita kepada Allah, kerana
dengan penghidupan yang baik dan sempurna sahaja dapat kita
beribadat dan berbakti kepada Allah dengan baik dan sempurna
pula. Hanya dengan mengerjakan itu seluruhnya kita dapat
mencapai mertabat orang Islam yang sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Mulai tahun ini suatu gerakan untuk mencepatkan tempo pem-
bangunan ekonomi umat Islam sedang dijalankan iaitu dengan
terlancarnya "Tabung Pembangunan Ekonomi Islam" sebagai
hasil dari rumusan Kongres Ekonomi Islam Yang kedua¹ tidak
lama dahulu. Rancangan ini telahpun dipersetujui oleh Majlis
Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan oleh Kera-
jaan-kerajaan Negeri yang telah diberi penjelasan mengenai
strategi Tabung Pembangunan ini.

¹ Kongres Ekonomi Islam yang kedua pada 7hb April, 1972.

Tujuan Tabung Ekonomi Pembangunan Islam ini ialah untuk mengumpulkan permodalan umat Islam di Malaysia supaya dapat dilaburkan dalam projek-projek tertentu. Kutipan untuk tabung ini dimulai tahun ini bersekali gus dengan kutipan Fitrah dengan ditetapkan kadar \$1 bagi tiap-tiap ketua keluarga dan lima puluh sen bagi orang perseorangan yang belum berumahtangga. Semua kutipan tabung ini adalah kembali kepada Majlis Ugama tiap-tiap negeri.

Saya berseru kepada semua golongan umat Islam supaya memberi sokongan penuh kepada Tabung Pembangunan Ekonomi Islam ini sambil mengerjakan ibadat Fitrah tahun ini. Mudah-mudahan kebajikan akan diperolehi berlipat ganda di masa ini dan di masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam usaha kita hendak mengukuhkan kedudukan Islam patutlah kita mengambil berat dalam soal penyebaran ajaran ugama Islam atau Dakwah. Soal Dakwah ini saya anggap penting terutama di kalangan belia Islam kita sendiri, kerana ini akan memberi haluan yang baik dalam membentuk akhlak dan keperibadian mereka.

Saya sukacita menyatakan bahawa Institiut Dakwah yang dijalankan di bawah kelolaan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam setakat ini telah mengadakan tiga kursus perkadiran Islam kepada para mahasiswa dan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi kita. Syukur Alhamdulillah kesan dari kursus itu sangatlah baik dalam penghidupan masyarakat di kampus pengajian tinggi itu. Saya percaya dengan meluaskan lagi scope kursus ini, tidak dapat tiada gejala-gejala yang tidak diingini di kalangan belia Islam akan dapat dihindarkan.

Saya suka melihat supaya usaha-usaha dakwah di kalangan belia dan pusat-pusat pengajian tinggi ini dipergiatkan lagi oleh semua pihak yang berkenaan. Langkah yang diambil oleh Institiut Teknologi Kebangsaan dalam hal ini patut dijadikan tauladan oleh semua pihak.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana diketahui ramai, usaha menyediakan tafsir Al-Quran dalam Bahasa Kebangsaan sedang diuruskan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dan jilid yang

akhirnya sudah pun siap sekarang. Dengan siapnya tafsir pengertian Al-Quran itu, maka sempurnalah projek besar untuk mendekatkan Al-Quran kepada umat Islam di Malaysia ini khususnya.

Untuk meneruskan usaha yang baik ini, saya telah mengarahkan supaya projek yang kedua dijalankan pula, sebagai lanjutan yang mustahak dijalankan dalam soal ini iaitu usaha menterjemahkan hadis-hadis Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. Kumpulan hadis-hadis sahih yang lengkap dan dipilih dengan teliti, yang mengandungi panduan dalam segi-segi hukum syarak, hikmat-hikmat Islam dan panduan-panduan kemajuan dan kesopanan serta kesusilaan yang dibawa oleh Islam akan diusahakan terjemahannya dan Insya Allah dapat memenuhi cita-cita kita.

Untuk menggalakkan lagi pengajian Al-Quran di kalangan umat Islam di Malaysia, saya telah juga bersetuju supaya ditubuhkan Instituti Pengajian Al-Quran di Masjid Negara. Pada masa ini telah ada kelas menghafaz Quran di Masjid Negara dan ada antara pelajar-pelajar itu yang sedang dihantar melanjutkan pengajian mereka di Kahirah. Instituti Pengajian Al-Quran ini manakala ditubuhkan kelak akan merupakan sebuah Instituti yang lengkap dan diharapkan akan dapat menjadi Pusat Pengajian Al-Quran yang dapat memupuk dan mengembangkan pengajian Al-Quran serta mendalami kajian segala perkara yang berhubung dengan Al-Quran.

Inilah satu lagi sumbangan bakti untuk lebih mendekatkan lagi Al-Quran dan ajaran-ajarannya kepada umat Islam di negara kita. Mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita itu.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirkata, sukaulah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, terutama kepada Pengerusinya, Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail yang telah berusaha bersungguh-sungguh menjayakan Pertandingan tahun ini. Jawatankuasa Pertandingan telah membuat beberapa pembaharuan yang menarik hati yang saya percaya memberi semangat dan inspirasi kepada kita sekalian, terutama dalam upacara pembukaan ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada pegawai-pegawai di semua peringkat yang telah memberikan khidmat dan kerjasama bagi menjayakan Pertandingan tahun ini. Mudah-mudahan dengan berkat Allah, pertandingan tahun ini akan mencipta lagi satu sejarah yang meninggalkan kesan gemilang dalam jiwa kita sekalian.

Dengan nama Allah dan dengan rasa penuh tawaduk, saya merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1972 ini.

Wasalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.